

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA KONVENSYEN PERTUBUHAN PELADANG MENUJU ABAD 21**  
**DI NPC, KEPALA BATAS, PULAU PINANG**  
**12 JUN 1999**

-----

Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengajur yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Konvensyen Petubuhan Peladang menuju abad 21 pada hari ini.

2. Tinggal hanya lebih kurang 200 hari sebelum kita melangkah ke abad baru. Negara telah mencapai banyak kemajuan yang telah membawa perubahan yang tidak pernah kita mimpikan dahulu. Sepanjang proses kita membangunkan negara semenjak mencapai kemerdekaan, pelbagai peristiwa telah melanda, yang mana antara yang paling mencabar ialah kegawatan ekonomi yang telah melanda bukan sahaja negara, tetapi juga negara-negara lain di rantau Asia.

3. Kedudukan ekonomi negara telah menjadi goyang berpunca dari serangan spekulator matawang asing ke atas matawang kita. Kita telah menyaksikan banyak sektor yang telah terjejas dengan begitu teruk sekali, sekaligus menjatuhkan taraf hidup rakyat Malaysia dalam tempoh yang begitu singkat sekali.

4. Alhamdulillah, keperitan ekonomi ini telah beransur kurang apabila usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara nampaknya telah membuahkan hasil. Pelbagai petanda ekonomi menjadi semakin positif, menunjukkan ekonomi negara akan kembali pulih seperti sedia kala.

5. Kerajaan sememangnya begitu komited di dalam melaksanakan usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Langkah-langkah komprehensif telah dibincangkan dan dirumuskan oleh majlis tindakan ekonomi negara (MTEN) di dalam pelan pemulihan ekonomi negara (PPEN). Cadangan-cadangan yang diajukan di bawah ppen kini sedang dalam proses perlaksanaan, termasuklah cadangan untuk sektor pertanian, di mana ppen telah menggariskan pelbagai langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan bagi mengurangkan import.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Selain daripada ppen, kerajaan juga akan terus melaksanakan usaha-usaha yang telah dirumus di bawah dasar pertanian ke 3, yang antara lainnya juga menekankan kepada usaha-usaha untuk menambah bekalan makanan melalui pengukuhan dalam pengeluaran tempatan, punca bekalan strategik dan kecekapan pasaran.

7. Dasar-dasar kerajaan yang termaktub di bawah ppen dan dasar pertanian ke 3, sememangnya bertujuan untuk menggalakkan perkembangan di sektor pertanian yang tidak terkecuali dari menghadapi pelbagai cabaran sejak akhir-akhir ini. Masalah kekurangan buruh, kekurangan tanah baru yang sesuai untuk pertanian, fenomena cuaca seperti el-nino dan jerebu, adalah faktor-faktor yang telah mengurangkan penawaran.

8. Cabaran-cabaran ini telah sedikit sebanyak menjejaskan prestasi sektor pertanian. Menurut kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke 7, iaitu bagi tempoh 1996-1998, output pertanian berkurangan sebanyak 0.2 peratus. Selain daripada itu,

sumbangan sektor pertanian bagi keluaran dalam negara kasar berkurangan daripada 13.5 peratus pada tahun 1995 kepada 12.3 peratus pada tahun 1998, berikutan dengan penurunan nilai ditambah di dalam sektor ini.

9. Penurunan ini mestilah dianggap sebagai satu cabaran bagi kita. Saya menyeru para peladang supaya terus mencari langkah-langkah baru untuk menggalakkan lagi sektor perladangan negara. Bagi pihak kerajaan, di samping menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pertanian komersil berkala besar, kami akan juga berusaha untuk memberikan bantuan kepada para peladang untuk mereka meningkatkan lagi daya pengeluaran.

10. Kemajuan di dalam sektor pertanian akan juga membantu usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan kualiti hidup rakyat di Malaysia. Di dalam meneruskan agenda sosio-ekonomi dan ekuiti di Malaysia, kerajaan melalui agensi-agensinya sedang bergiat untuk meredakan kesulitan akibat kemiskinan seperti yang telah dicadangkan oleh ppen.

11. Kerajaan menyedari pembasmian kemiskinan hanya dapat dicapai apabila lebih banyak peluang pekerjaan dibuka. Dengan itu, pelbagai usaha telah diambil untuk melaksanakan langkah-langkah untuk merealisasikan matlamat ini, seperti menggalakkan perniagaan runcit secara teratur dan sistematik, bertani (iaitu menanam sayur, memelihara ternakan dan sebagainya), membuka perniagaan kecil disamping menyediakan skim latihan untuk peniaga-peniaga baru dalam perniagaan runcit dan aktiviti pertanian.

12. Alhamdulillah, usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pertanian dan taraf hidup penduduk luar bandar telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam tempoh 1996-1998. Contohnya, pendapatan bulanan purata penanam padi meningkat daripada RM801 pada tahun 1995 kepada RM975 pada tahun 1997. Peningkatan yang menggalakkan juga dilihat bagi pekebun kecil getah apabila pendapatan mereka pula meningkat daripada RM950 kepada RM1,102 dalam tempoh yang sama.

13. Kita patut bersyukur kerana usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan telah membuah hasil. Kerajaan telah mendapati dalam tahun 1998 seramai 61 orang usahawan telah diwujudkan dalam bidang-bidang tanaman (28 orang), ternakan (14 orang), ternak air (9 orang), pemprosesan hasil pertanian dan makanan (6 orang) dan perkhidmatan (4 orang). Projek-projek yang sedang diusahakan oleh usahawan-usahawan ini berjalan dengan baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Menjelang abad ke 21, masa depan sektor pertanian dijangka jauh lebih baik berbanding dengan beberapa tahun kebelakang ini. Jangkaan positif kerajaan ini adalah berasaskan kepada beberapa faktor termasuk harga yang lebih baik, pemulihan sektor kecil kelapa sawit daripada lawas pokok, perluasan kawasan produktif kelapa sawit, pengukuhan sektor kecil makanan berikutan pelaksanaan beberapa langkah di bawah ppen dan penggunaan teknologi penjimatan buruh yang lebih meluas.

15. Berdasarkan kepada faktor-faktor positif ini, kerajaan menjangkakan output pertanian bagi akhir tempoh Rancangan Malaysia ke7 akan bertambah pada kadar 5.2 peratus setahun berbanding dengan sasaran rancangan 2.4 peratus setahun.

16. Bagaimanapun, kita semua perlu berkerja keras untuk mencapai jangkaan ini menjadi kenyataan. Kita hendaklah mengambil sikap proaktif dan sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima ide-ide yang melibatkan cara-cara baru dan berteknologi tinggi untuk menggalakkan lagi pengeluaran sektor pertanian.

17. Di pihak kerajaan, kita akan sentiasa berusaha untuk terus melaksanakan program untuk mengukuhkan lagi asas ekonomi yang tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan promosi aktiviti pertanian tersusun bagi mencapai skala ekonomi dan meningkatkan nilai ditambah.

18. Komitmen kerajaan dapat dilihat apabila kita meningkatkan peruntukan bagi pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia ke-7, iaitu dari RM11.22 bilion kepada RM11.422 bilion. Bagi tempoh 1996-1998, pelbagai agensi kerajaan yang terlibat dengan pembangunan pertanian dan luar bandar telah membelanjakan sebanyak RM6.03 bilion. Perbelanjaan tersebut adalah bagi pembangunan luar bandar diikuti oleh pembangunan in-situ serta pengairan dan tebatan banjir.

Tuan-tuan dan puan-puan,

19. Adalah didapati bahawa bagi tempoh dua tahun kebelakang ini, sektor pertanian mencatat pengurangan sedikit dalam nilai di tambah. Bagaimanapun, di sebalik pengurangan tersebut, kemajuan telah dicapai dalam pemodenan sektor pertanian, terutamanya di kalangan pekebun kecil melalui penggunaan teknologi penjimatan buruh yang telah berjaya meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

20. Selain daripada meningkatkan produktiviti, kerajaan juga kini sedang mengkaji cara-cara untuk mengurangkan kerugian petani-petani terutamanya yang berlaku selepas penuaian di dalam proses mengagihkan serta menghantar makanan seperti ikan, buah-buahan dan sayuran.

21. FAMA, misalnya, telah baru-baru ini menjalankan satu kajian mengenai penghantaran sayur-sayuran dan buah-buahan dari kota kinabalu ke labuan melalui jalan darat. Hasil daripada kajian tersebut, didapati bahawa pada umumnya kualiti keseluruhan sayuran-sayuran dan buah-buahan ini adalah baik walaupun terdapat kerosakan fizikal yang kecil. Berdasarkan kajian ini, kerajaan akan mempergiatkan lagi amalan pembekalan sayuran dan buah-buahan dari Kota Kinabalu ke Labuan di samping penghantaran ke limbang dan seterusnya menerokai pasaran Brunei.

22. Ketika ini, FAMA juga sedang menjalankan kajian kos dan margin pemasaran sayur-sayuran di seluruh Malaysia bagi mengemaskini maklumat yang ada. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui dan mengenalpasti kos-kos yang terlibat semasa urusniaga sayuran di pelbagai pemasaran iaitu ladang, pengumpul, pemborong dan peruncit. Adalah diharapkan bahawa hasil kajian ini akan dapat memberi penjelasan terhadap keuntungan yang diperolehi oleh pengusaha dan peniaga mengikut harga pemasaran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Dalam melaksanakan PPEN, kerajaan telah mengambil langkah untuk menambah bilangan pasar-pasar untuk barangan basah termasuklah kawasan tetap untuk pasar tani. Usaha kerajaan telah menampakkan hasil positif apabila nilai jualan semua

pasar tani sebanyak 182 unit telah meningkat dari RM9.47 juta pada bulan Febuari kepada RM11.63 juta pada bulan Mac.

24. Beberapa lokasi baru telah dikenalpasti bagi tujuan ini. Usaha-usaha untuk mendapatkan tapak kekal untuk pembangunan pasar tani runcit, pasar borong telah dikenalpasti di Kota Kinabalu, Kota Baharu dan Parit Buntar. Sementara itu, kerajaan juga telah mengenalpasti padang hiliran, Kuala Terengganu untuk pembangunan projek kota tani.

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Sememangnya, sektor peladangan tidak terlepas dari arus perubahan yang melanda dunia pada hari ini. Kita telah saksikan evolusi dimana bukan sahaja lembu digantikan dengan trektor tetapi proses menanam di negara-negara maju juga telah menggunakan teknologi canggih yang meliputi penggunaan kapal terbang dan sebagainya.

26. Di dalam menuju abad ke 21, kita hendaklah mencari jalan untuk memajukan diri kita. Kita sudah tentunya tidak akan berpuas hati dengan pencapaian yang telah kita perolehi sekarang. Kita juga tidak boleh hanya duduk di tahap lama, masih berpegang kepada amalan- amalan lama yang sudah sebatu dengan amalan dan jiwa kita. Para peladang hendaklah berusaha dengan lebih gigih lagi di dalam menggalakkan sektor pertanian di negara kita yang juga akan turut membantu proses pemulihan ekonomi negara. Insyallah, usaha kita akan diberkati Allah dan kita akan berjaya membawa sektor pertanian ke tahap tinggi yang kita inginkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

27. Walau bagaimanapun, saya berpendapat semua rancangan yang saya sebutkan tadi akan hanya berjaya sekiranya ada kerjasama semua pihak. Yang pentingnya pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat perlulah bekerjasama dengan mesyarakat tani. Segala kelemahan dikalangan mereka perlulah diperbaiki dan disertai dengan pendekatan yang tepat dan mudah difahami.

28. Kepada para pemimpin di peringkat kampung sehinggalah ke peringkat yang lebih atas, saya ingin membuat seruan ini; kita menyedari betapa pentingnya contoh dan teladan yang baik. Kita harus bersedia memimpin dan dipimpin untuk menjayakan semua rancangan kerajaan. Jkkn dan para pemimpin tempatan perlu memainkan peranan sebagai penggerak, pendorong dan penunjuk contoh. Ini ialah kerana semuanya bertujuan sebagai penggerak masyarakat kampung ke arah sikap dan tindakan positif membangunkan masyarakat sekeliling mereka sendiri. Saya akhiri ucapan saya ini dengan memetik sebuah hadis Nabi Muhamad S.W.A. yang bermaksud: "sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang itu melakukan sesuatu kerja dengan tekun." Jadikanlah hadis ini sebagai kunci pendorong untuk kita bekerja lebih tekun lagi.

Terima kasih